



PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PELANTIKAN TENAGA PENGAJAR PELAWAT

Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan berikut:

1.0 TEMPOH PELANTIKAN

- 1.1 Seseorang tenaga pengajar pelawat boleh dilantik bagi tempoh 6 bulan dan boleh dilantik semula berdasarkan keperluan Fakulti.
- 1.2 Dalam keadaan luar biasa, tempoh lantikan seseorang tenaga pengajar pelawat boleh dikurangkan atau dilanjutkan khususnya bagi memastikan seseorang tenaga pengajar pelawat menyempurnakan tugasnya hingga ke akhir semester atau sehingga tugas yang ditetapkan kepadanya dapat diselesaikan.

2.0 TAHAP LANTIKAN

Lantikan adalah secara separuh masa berdasarkan jawatan dan gred seperti berikut;

- 2.1 Profesor Pelawat Gred UMSDV5/6/7
- 2.2 Profesor Madya Pelawat Gred UMSDV8
- 2.3 Pensyarah Pelawat Gred UMSDV9

3.0 SYARAT KELAYAKAN

- 3.1 Calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara terdiri daripada ahli akademik atau pesara akademik.
- 3.2 Mempunyai kelayakan akademik Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan.
- 3.3 Mencapai tahap kecemerlangan mengikut tahap jawatan seperti berikut;
 - a) Profesor Pelawat - Sangat terkemuka mutunya
 - b) Profesor Madya Pelawat - Terkemuka mutunya
 - c) Pensyarah Pelawat - Istimewa mutunya
- 3.4 Mempunyai kepakaran yang iktiraf dalam dan luar negara.
- 3.5 Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya.

4.0 TUGAS DAN FUNGSI TENAGA PENGAJAR PELAWAT

- 4.1 Seseorang tenaga pengajar pelawat boleh dilantik untuk tujuan berikut;
- 4.4.1 Memberi kuliah atas tajuk tertentu kepada pelajar dan staf universiti;
 - 4.4.2 Mengendali atau membantu mengendalikan tugas tenaga pengajaran kursus dan membantu dalam penyeliaan pelajar;
 - 4.4.3 Memberi pandangan dan nasihat sebagai pakar/perunding kepada universiti, fakulti, pusat atau jabatan;
 - 4.4.4 Membantu universiti dalam kerja penyelidikan dan perundingan;
 - 4.4.5 Memberi seminar kepada pelajar dan staf;
 - 4.4.6 Memberi khidmat nasihat dalam bidang kepakaran;
 - 4.4.7 Membantu staf mendapatkan pengiktirafan profesional; dan
 - 4.4.8 Mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh Fakulti.

5.0 KEMUDAHAN UNTUK PENYANDANG

5.1 Bayaran Honorarium dan Elaun

Honorarium/Elaun	Jawatan		
	Profesor	Prof. Madya	Pensyarah
1. Gaji/Honorarium <i>(dibayar sekali dalam tempoh lantikan)</i>	RM18,000.00 (UMSDV5) RM16,000.00 (UMSDV6) RM14,000.00 (UMSDV7)	RM12,000.00	RM10,000.00
2. Penginapan/lojing <i>(jika penginapan hotel disediakan calon tidak layak diberikan elaun ini)</i> Hotel <i>(kadar kelayakan di Sabah sahaja)</i>	RM85.00/sehari <i>Standard Superior Rate</i> atau kadar RM300++	RM85.00/sehari Bilik Biasa atau kadar RM250++	RM85.00/sehari Bilik Biasa atau kadar RM200++
3. Penerbangan/Pengangkutan	Business Class atau setaraf RM180 sebulan jika Universiti tidak menyediakan kenderaan	Kelas Ekonomi atau setaraf RM180 sebulan jika Universiti tidak menyediakan kenderaan	

- 5.2 Kemudahan rawatan untuk diri sendiri sahaja di poliklinik UMS atau Hospital Kerajaan semasa berada di UMS.
- 5.3 Kemudahan dan peralatan biasa seperti berikut:
 - a) Kad pekerja
 - b) Pas Kenderaan
 - c) Keahlian Perpustakaan
 - d) Bilik Gunasama

6.0 NOTIS PENAMATAN

- 6.1 Universiti boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan seseorang Tenaga Pengajar Pelawat dengan memberi sebulan notis secara bertulis.
- 6.2 Tenaga Pengajar Pelawat juga boleh pada bila-bila masa berhenti dari perkhidmatannya dengan memberi sebulan notis secara bertulis kepada Universiti.

Disediakan oleh:

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah